



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK) MELAKA, 2025

Ekonomi Melaka mencapai RM50.3 bilion pada 2025, meningkat 3.0 peratus

PUTRAJAYA, 1 JULAI 2026 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK) NEGERI MELAKA, 2025** yang memperinci penemuan sektoral dan komposisi ekonomi di peringkat negeri.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin “Peningkatan ekonomi negeri Melaka dipamerkan melalui nilai KDNK pada tahun 2025 sebanyak RM50.3 bilion berbanding RM48.8 bilion pada tahun 2024 dengan pertumbuhan 3.0 peratus.”

Dari aspek komposisi ekonomi Melaka pada tahun 2025, sektor Perkhidmatan mendominasi ekonomi negeri ini dengan menyumbang sebanyak 52.4 peratus, diikuti sektor Pembuatan dan Pertanian masing-masing sebanyak 35.4 peratus dan 9.3 peratus. Seterusnya sektor Pembinaan pula mencatatkan sumbangan sebanyak 2.5 peratus, manakala sektor Perlombongan & pengkuarian menyumbang sebanyak 0.1 peratus.

Dari segi prestasi ekonomi sektoral, sektor Perkhidmatan mencatatkan nilai ditambah berjumlah RM26.4 bilion, meningkat 4.8 peratus. Pertumbuhan positif sektor ini disokong oleh subsektor Perdagangan borong dan runcit, makanan & minuman dan penginapan yang bertumbuh 6.2 peratus (2024: 4.9%). Subsektor Perkhidmatan kerajaan turut menyumbang kepada peningkatan sektor ini dengan peningkatan 5.6 peratus berbanding 3.1 peratus pada tahun 2024.

Sektor Pembuatan mencatatkan pertumbuhan yang lebih perlahan sebanyak 1.1 peratus dengan nilai ditambah berjumlah RM17.8 bilion. Produk elektrik, elektronik dan optikal dengan meningkat sebanyak 10.6 peratus (2024: 3.8%). Walau bagaimanapun, Produk petroleum, kimia, getah dan plastik dan Peralatan pengangkutan, pembuatan lain dan pembaikan menyusut masing-masing sebanyak 3.0 peratus (2024: 4.5%) dan 6.2 peratus (2024: 2.8%).

Sektor Pertanian mencatatkan nilai ditambah sebanyak RM4.7 bilion, bertumbuh 1.8 peratus setelah mencatatkan penyusutan 2.3 peratus pada tahun 2024. Prestasi ini disokong oleh peningkatan dalam subsektor Ternakan dan Perikanan yang masing-masing merekodkan pertumbuhan 4.3 peratus (2024: -0.1%) dan 3.7 peratus (2024: 2.2%).

Sementara itu, sektor Pembinaan menyusut 4.9 peratus pada tahun 2025 (2024: 27.9%) dengan nilai ditambah sebanyak RM1.3 bilion. Prestasi ini dipengaruhi oleh penyusutan dalam subsektor Kejuruteraan awam sebanyak 10.9 peratus (2024: 43.6%). Sebaliknya, Sektor Perlombongan & pengkuarian mencatatkan peningkatan sebanyak 2.5 peratus pada tahun 2025 dengan nilai ditambah RM72.1 juta.


Beralih kepada prestasi KDNK per kapita, Melaka mencatatkan peningkatan sebanyak RM993, mencecah RM55,580 pada tahun 2025 berbanding RM54,587 pada tahun sebelumnya.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpulkan data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Carta 1: KDNK Melaka, sumbangan dan pertumbuhan mengikut sektor, 2025



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA
1 JULAI 2026



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

MELAKA GROSS DOMESTIC PRODUCT (GDP), 2025

Melaka's GDP reaches RM50.3 billion in 2025, increased by 3.0 per cent

PUTRAJAYA, 1ST JULY 2026 – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) released the **MELAKA GROSS DOMESTIC PRODUCT (GDP), 2025** which highlighted the insights of economic sectoral and structure at the state level.

According to Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "The growth of the Melaka economy was demonstrated by the value of GDP in 2025 of RM50.3 billion against RM48.8 billion in 2024, with a growth of 3.0 per cent."

In terms of Melaka's economic composition in 2025, the Services sector dominates the state's economy by contributing 52.4 per cent, followed by the Manufacturing and Agriculture sectors with 35.4 per cent and 9.3 per cent respectively. Subsequently, the Construction sector recorded a contribution of 2.5 per cent, while the Mining & quarrying sector contributed as much as 0.1 per cent.

Regarding sectoral economic performance, the Services sector recorded a value added amounting to RM26.4 billion, expanded 4.8 per cent. The positive growth of the sector was supported by the 6.2 per cent growth in the Wholesale and retail trade, food & beverage and accommodation subsector (2024: 4.9%). Government services subsector also contributed to the expansion of this sector with 5.6 per cent compared to 3.1 per cent in 2024.

The Manufacturing sector increased at a slower growth of 1.1 per cent with value added amounting to RM17.8 billion. The Electrical, electronic and optical products rose 10.6 per cent (2024: 3.8%). However, Petroleum, chemical, rubber and plastic products and Transport equipment, other manufacturing and repair shrank by 3.0 per cent (2024: 4.5%) and 6.2 per cent (2024: 2.8%), respectively.

The Agriculture sector recorded a value added of RM4.7 billion, expanded 1.8 per cent following a contraction by 2.3 per cent in 2024. This performance was supported by the expansion in the Livestock and Fisheries subsectors, which registered growth of 4.3 per cent (2024: -0.1%) and 3.7 per cent (2024: 2.2%), respectively.

Meanwhile, the Construction sector declined by 4.9 per cent in 2025 (2024: 27.9%), generating RM1.3 billion in value added. This performance was influenced by a contraction in the Civil engineering subsector of 10.9 per cent (2024: 43.6%). In contrast, the Mining & quarrying sector recorded an increase 2.5 per cent in 2025 with value added amounting to RM72.1 million.


Turning to GDP per capita performance, Melaka recorded an increase of RM993 to achieve RM55,580 in 2025 as compared to RM54,587 in previous year.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation’s economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Chart 1: Melaka's GDP, contribution and growth by sector, 2025



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
1 JULY 2026